

11 MAY 2000

MAHATHIR-KHAZANAH/I

DR MAHATHIR TIDAK SEDAR RANCANGAN KHAZANAH UNTUK MILIK KEPENTINGAN
DALAM TIME ENGINEERING

KUALA LUMPUR, 11 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata beliau tidak sedar mengenai minat Khazanah Nasional Bhd untuk memiliki kepentingan di dalam Time Engineering Bhd.

"Saya tidak tahu. Itu adalah urusan janji perniagaan lembaga Khazanah. Jika mereka mendapat berfaedah, mereka dialu-alukan berbuat apa sahaja meeka fikir adalah baik," katanya.

Beliau ditanya oleh pemberita pada akhir hari pertama perhimpunan agung Umno ke-54 mengenai laporan hari ini yang membuat spekulasi mengenai perbincangan antara Time Engineering dan Singapore Telecommunications Ltd (Singtel) telah dibatalkan dan bahawa Khazanah, cabang pelaburan kerajaan, telah muncul ke dalam perkara itu.

Kemasukan Khazanah dilihat sebagai memecahkan kebuntuan di antara satu kumpulan pemiutang yang diketuai oleh Sapura yang berhasrat untuk meneruskan cadangan alternatif penyusunan semula hutang.

Sekiranya janji niaga Singtel itu berjaya, ia akan menyaksikan syarikat Singapura itu memiliki 20.59 peratus kepentingan di dalam anak syarikat Time, Time dotCom dan 14.5 peratus kepentingan di dalam Time.

SingTel telah bercadang untuk memiliki 14.48 peratus di dalam Time dan 20 peratus setiap satu dalam Time dotCom dan Time Online masing-masing di dalam janji niaga bernilai kira-kira RM2.2 bilion.

Time, yang mempunyai utang berjumlah RM4.8 bilion, telah mencadangkan satu janji niaga RM3 bilion dalam bentuk RM1.465 bilion penyelesaian tunai kepada pemiutangnya dan RM1.5 bilion dalam nota kupon sifar.

Tetapi janji niaga Time-Singtel itu ditentang oleh Sapura Holdings Bhd, pemiutang utama hutang Time yang besar, yang berminat untuk kepentingan dirinya sendiri sebanyak 40 peratus dalam Time dotCom di bawah satu cadangan penyusunan semula hutang alternatif.

Sapura dilaporkan mempunyai 26 peratus hak mengundi, yang cukup untuk mendapatkan sokongan pemiutang untuk menolak penyusunan semula hutang Time sekiranya Time bersetuju bergabung dengan Singtel.

Sapura, Telekom Malaysia dan Kumpulanwang Simpanan Pekerja (KWSP) difahamkan menjadi pemiutang utama Time. Time berhutang kepada Sapura sahaja kira-kira RM440 juta.

Terdahulu hari ini Menteri Kewangan Tun Daim Zainuddin juga menafikan mempunyai pengetahuan mengenai cadangan Khazanah memiliki kepentingan di dalam Time.

Bercakap kepada pemberita di luar acara perhimpunan itu di sini, katanya bahawa sebarang keputusan yang diambil mengenai janji niaga itu akan dibuat secara kolektif oleh lembaga Khazanah dan keputusan itu kemudian dimaklumkan kepada Kementerian Kewangan.

Ditanya mengenai laporan tawaran Singtel bagi Time tidak dialu-alukan di dalam negeri, Dr Mahathir berkata, "Saya tidak tahu mengenai itu. Ia adalah satu janji niaga."

Bagi kerajaan, perdana menteri berkata, "Kami telah menerima banyak pelaburan dari Singapura." Singtel adalah dimiliki secara majoriti oleh kerajaan Singapura.

Dr Mahathir juga menegaskan bahawa apabila Singtel sebelum ini membuat tawaran untuk Cable and Wireless, Hong Kong. Ia telah dikalahkan oleh sebuah syarikat dot.com yang menyekat tawaran itu.

"Kelihatan kepada saya bahawa banyak orang bimbang mengenai Singtel.

Saya tidak tahu kenapa. Mungkin kerana mereka "sing and tell". Itu
sebabnya... itu sebabnya," kata beliau berseloroh. -- BERNAMA
AD SHY OS